



SPP 30283
PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Topik I:
Pengenalan Kepada
Perniagaan
Antarabangsa

Pn. Suriati binti Ahmad Suhaimi



SPP 30283
PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Topik I:
Pengenalan Kepada
Perniagaan
Antarabangsa

Pn. Suriati binti Ahmad Suhaimi
Penerbit KKKULIM

Penerbit KKKULIM

Jalan Kota Kenari 2, Taman Kota Kenari,
09000 Kulim,
Kedah, Malaysia.

Penerbit KKKULIM
Pertama kali diterbitkan 2024

e ISBN : 978-629-97793-1-5

Hak Cipta Terpelihara.

Nota Pengenalan kepada Perniagaan Antarabangsa ini adalah hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini termasuk teks, ilustrasi, atau kandungan lain boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pencarian, atau dipindahkan dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit KKKULIM.

Semua usaha telah diambil untuk memastikan ketepatan kandungan penerbitan ini. Walau bagaimanapun, penerbit tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan atau kekhilafan yang mungkin berlaku.

PRAKATA

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, nota Pengenalan Kepada Perniagaan Antarabangsa ini berjaya disusun untuk dijadikan bahan rujukan kepada pelajar, pendidik, dan semua pihak yang berminat dalam bidang perniagaan antarabangsa.

Penekanan diberikan kepada definisi tentang perniagaan antarabangsa yang perlu difahami dengan jelas dan kenapa perniagaan antarabangsa itu dikatakan penting kepada sesebuah negara. Melalui nota ini juga, diharapkan pembaca akan dapat membezakan antara perniagaan dalam negeri dengan perniagaan antarabangsa. Semua topik ini diolah secara ringkas dan mudah difahami, dengan harapan ia mampu menjadi panduan efektif dalam pembelajaran dan perbincangan.

Semoga nota ini menjadi rujukan bermanfaat dan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu serta memperkuatkan kefahaman pembaca mengenai dunia perniagaan antarabangsa. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan bahan ini.

Sekian, terima kasih.

**SURIATI BINTI AHMAD SUHAIMI
PENSYARAH UNIT PENGOPERASIAN PERNIAGAAN
KOLEJ KOMUNITI KULIM
NOVEMBER 2024**

ISI KANDUNGAN



CLO 1 : Menerangkan persekitaran dan pengurusan dalam perniagaan antarabangsa dari perspektif global.

1.1 Mendefinisikan perniagaan antarabangsa.

1.3 Membincangkan perbezaan antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa.

1.2 Menerangkan kepentingan perniagaan antarabangsa.

1.4 Membincangkan tahap perniagaan antarabangsa.

DEFINISI PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Jual beli antara 2 atau lebih negara

Kegiatan jual beli yang dijalankan antara penduduk sebuah negara dengan penduduk negara lain.



Entrepot

Aktiviti mengimport barang dari luar negara, diproses, disimpan untuk sementara waktu dan dieksport semula ke negara lain.

Dua hala

Melibatkan perniagaan dua hala iaitu import, eksport dan entrepot

Melangkau sempadan

Perniagaan dilaksanakan melangkaui sempadan geografi dan politik sesebuah negara bagi mencapai objektif individu atau organisasi.



Hong Kong, Singapura dan Rotterdam adalah antara bandar entrepot yang terkenal.

Dua atau lebih pihak

Perniagaan yang melibatkan dua atau lebih pihak sesebuah negara dengan negara yang lain.

DEFINISI PERNIAGAAN ANTARABANGSA

“

Perniagaan antarabangsa merupakan operasi menyeberangi sempadan negara oleh sebarang organisasi atau syarikat yang mempunyai urusan perniagaan, perdagangan atau pelaburan di sesebuah negara asing yang lain dengan bermatlamatkan keuntungan.

”

“

Perniagaan yang melibatkan dua pihak atau pelbagai pihak antara sesebuah negara dengan negara lain. Perniagaan ini dijalankan melangkaui sempadan geografi dan politik sesebuah negara bertujuan untuk mencapai objektif individu maupun organisasi.

”

“

Perniagaan antarabangsa merupakan organisasi atau syarikat yang mempunyai perniagaan atau pelaburan di negara asing dengan bermotifkan keuntungan.

”

“

Perniagaan antarabangsa juga boleh didefinisikan sebagai kegiatan jual beli yang dijalankan antara penduduk sebuah negara dengan penduduk negara lain.


”

“

Perniagaan yang melibatkan dua hala atau pelbagai hala antara sesebuah negara melibatkan aktiviti eksport, import, entrepot barang dan perkhidmatan.



Rehat!



Aktiviti:


Pelajar dikehendaki untuk menonton video di bawah.

Kemudian senaraikan nama-nama negara yang pelajar kenali.



Richest Countries 2024

CONTOH PERNIAGAAN ANTARABANGSA



Aktiviti:

- Senaraikan contoh-contoh perniagaan antarabangsa yang terdapat di Malaysia.
- Pelajar dikehendaki untuk menyenaraikan jenis aktiviti perniagaan antarabangsa yang dijalankan oleh negara-negara lain.

Jom tonton video
Pengenalan Perniagaan
Antarabangsa!




KEPENTINGAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA



Aliran masuk mata wang asing



- Mata wang asing akan mengalir masuk ke dalam negara apabila produk/perkhidmatan dieksport ke luar negara. **Lebih banyak eksport, maka lebih banyaklah pengaliran masuk mata wang asing.**
- Kesannya negara tersebut akan mengalami imbalan pembayaran yang positif dan mengukuhkan lagi ekonomi negara.



IMPORT : beli produk/perkhidmatan dari negara lain, produk/perkhidmatan masuk, matawang negara keluar

EKSPORT : jual produk/perkhidmatan ke negara luar, produk/perkhidmatan keluar, matawang asing masuk


Luaskan pasaran @ buka pasaran baru

- Pasaran bagi pengeluar akan menjadi **semakin luas dan merangkumi pasaran di seluruh dunia.**
- Ini akan **meningkatkan keuntungan perniagaan.**
- Lebihan pengeluaran yang terdapat dalam sesebuah negara boleh dipasarkan ke negara luar.
- Ini dapat memberi peluang kepada firma untuk terus berkembang dengan meluaskan pasaran ke negara luar.
- Pengeluaran berskala besar dapat dilakukan apabila pasaran baru dapat diterokai.



Tingkatkan guna tenaga

- Perniagaan antarabangsa memerlukan tenaga kerja. Justeru ini akan mewujudkan lebih **banyak peluang pekerjaan dan perniagaan** kepada penduduk setempat.
- Hal ini akan membantu **mengurangkan kadar pengangguran** dalam negara.




Pemindahan teknologi

- Hubungan dengan pengeluar dan peniaga dari negara-negara lain membolehkan pengeluar tempatan bertukar-tukar **pengetahuan, maklumat, teknologi baru dan kepakaran negara lain dapat dipindahkan**. Hal ini akan dapat meningkatkan lagi prestasi pengeluar.
- Tenaga kerja tempatan dapat dilatih untuk mengendalikan peralatan baru.
- Sebagai contoh kepakaran teknologi Jepun (robot) dibawa masuk ke Malaysia



SAMSUNG



Kelebihan sumber pengeluaran

- Hubungan perniagaan antarabangsa memberikan kelebihan gunasama **sumber/kos/faktor pengeluaran seperti buruh, tanah, modal dan usahawan.**
- Ini akan dapat meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran.
- Pengeluar lebih **mudah mendapat bekalan bahan mentah**. Sekiranya bekalan bahan mentah dari satu sumber terputus, pengeluar itu boleh mendapatkan bekalannya dari sumber-sumber yang lain.



faktor tenaga kerja mahir dan ketersediaan infrastruktur yang baik di Malaysia.



Tenaga kerja Malaysia yang berbilang kaum dan fasih berbahasa Inggeris.

Infrastruktur dan persekitaran perniagaan yang rancak juga menjadikannya lokasi yang ideal.

Kepakaran & pengetahuan pengurusan

- Melalui perniagaan antarabangsa firma dapat meningkatkan kepakaran dalam proses penghasilan produk dan servis yang lebih cekap daripada perkongsian teknologi dan kepakaran dari rakan firma.
- Pengurusan firma juga dapat dipertingkatkan dengan **perkongsian maklumat dan pengetahuan**.



FAKTOR KEWUJUDAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

1

**Perbezaan sumber alam
semulajadi**

2

Perbezaan kos pengeluaran

3


Perbezaan tingkat teknologi

4

Hubungan antarabangsa

Perbezaan sumber alam semulajadi

Setiap negara mempunyai bentuk muka bumi, iklim, tanah-tanah dan sumber alam yang berlainan. Perbezaan ini membolehkan sebuah negara mengkhusus dalam pengeluaran barang tertentu.



Aktiviti:

Pelajar dikehendaki untuk menyenaraikan contoh lain aktiviti perniagaan antarabangsa yang dijalankan disebabkan oleh faktor perbezaan sumber alam semulajadi.

Perbezaan kos pengeluaran

1. Setiap negara mempunyai kelebihan sendiri untuk mengeluarkan barang tertentu pada kos yang lebih rendah berbanding dengan negara yang lain.
2. Kelebihan ini akan mendorong negara itu mengkhusus dalam pengeluaran barang itu pada kos yang paling minimum dan mengeksportnya.
3. Perniagaan antarabangsa boleh memperoleh bahan mentah dan tenaga buruh yang lebih murah di luar negara.

Contohnya: -


- *Malaysia merupakan pengeluar yang berkesan untuk kelapa sawit kerana mempunyai kaedah pengurusan perladangan yang cekap.*
- *Tenaga buruh adalah murah di negara China dan India.*



Aktiviti:

Pelajar dikehendaki untuk menyenaraikan contoh lain aktiviti perniagaan antarabangsa yang dijalankan disebabkan oleh faktor perbezaan kos pengeluaran.

Perbezaan tingkat teknologi



**Teknologi yang canggih
dan terkini berbeza
antara negara**

Dengan adanya pemindahan teknologi yang canggih, kos pengeluaran dapat dikurangkan dan syarikat juga dapat meningkatkan produktiviti. Syarikat berupaya memperoleh teknologi terkini dalam sesuatu bidang seperti pengeluaran, pembuatan dan sebagainya.

Contohnya: -

Amerika Syarikat dan Jepun mengkhusus dalam pengeluaran barang berteknologi tinggi seperti jentolak, mesin, ubat dan komputer.

Terdapat juga negara yang mahir dengan seni pertukangan dan barang keluaran tertentu seperti batik Malaysia, sutera Thai dan jam tangan Switzerland.

Aktiviti:

Pelajar dikehendaki untuk menyenaraikan contoh lain aktiviti perniagaan antarabangsa yang dijalankan disebabkan oleh faktor perbezaan tingkat teknologi.

Hubungan antarabangsa



Hubungan diplomatik membuka jalan kepada perkembangan perniagaan antarabangsa.



Hubungan diplomatik yang baik dengan negara lain akan menggalakkan pertukaran barang dan perkhidmatan untuk memenuhi kehendak serentak antara pembeli dan penjual.

Aktiviti:

Pelajar dikehendaki untuk menyenaraikan contoh lain aktiviti perniagaan antarabangsa yang dijalankan disebabkan oleh faktor hubungan antarabangsa.

PERSAMAAN

PERNIAGAAN DALAM NEGERI DAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Urusniaga yang berdasarkan pertukaran.

Bermatlamatkan keuntungan.

Memenuhi keperluan dan kehendak manusia.

Mengamalkan pengkhususan.

Memerlukan faktor pengeluaran.

Memerlukan bantuan perniagaan.

Meningkatkan taraf hidup rakyat.

Dokumentasi perniagaan.

PERSAMAAN

PERNIAGAAN DALAM NEGERI DAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Urusniaga yang berdasarkan pertukaran.

Kedua-dua perniagaan ini melibatkan pertukaran barang atau perkhidmatan atas persetujuan penjual dengan pembeli. Nilai pertukaran diukur dengan menggunakan mata wang.

Bermatlamatkan keuntungan.

Kedua-dua perniagaan ini bertujuan untuk mencari keuntungan.

Memenuhi keperluan dan kehendak manusia.

Kedua-dua perniagaan ini melakukan jual beli atau pertukaran untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia.

Mengamalkan pengkhususan.

Kedua-dua perniagaan ini berpunca daripada pengkhususan. Pengkhususan mengikut kawasan mewujudkan perniagaan dalam negeri manakala pengkhususan antarabangsa mewujudkan perniagaan antarabangsa.

PERSAMAAN

PERNIAGAAN DALAM NEGERI DAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Memerlukan faktor pengeluaran.

Kedua-dua perniagaan ini memerlukan faktor tanah, modal, buruh dan usahawan yang sama untuk menjamin perjalannya.

Memerlukan bantuan perniagaan.

Kedua-duanya memerlukan bantuan perniagaan yang sama seperti perbankan, insurans, pengangkutan, komunikasi, pergudangan dan promosi.

Meningkatkan taraf hidup rakyat.

Kedua-duanya menawarkan pelbagai jenis barang/perkhidmatan kepada rakyat dengan harga yang lebih berpatutan apabila berlakunya pengkhususan.

Dokumentasi perniagaan.

Kedua-duanya melibatkan penggunaan dokumen untuk memastikan segala urus niaga direkodkan dengan sistematik.

Aktiviti:

Pelajar dikehendaki untuk menyenaraikan contoh perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa serta faktor persamaan yang wujud ada kedua-dua perniagaan tersebut.

PERBEZAAN

PERNIAGAAN DALAM NEGERI DAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Bil.	Perniagaan dalam negeri	Perniagaan antarabangsa
1.	Urusan jual beli yang dijalankan antara penjual dengan pembeli di dalam sebuah negara.	Urusan jual beli yang dijalankan di antara negara.
2.	Menggunakan bahasa yang sama. Tidak timbul masalah komunikasi.	Pengimport dan pengeksport menggunakan bahasa yang berlainan. Masalah komunikasi akan berlaku.
3.	Para peniaga menggunakan mata wang yang sama dan tidak wujud masalah pertukaran wang.	Pengimport dan pengeksport menggunakan mata wang yang berlainan. Masalah pertukaran wang timbul dan dirumitkan lagi kerana nilai mata wang sentiasa turun naik.
4.	Peniaga menggunakan sistem ukuran, timbangan dan sukatan yang sama.	Pengimport dan pengeksport menggunakan sistem ukuran, timbangan dan sukatan yang berlainan dan ini merumitkan proses perniagaan. Contohnya Malaysia menggunakan ukuran relung sedangkan Britain menggunakan ukuran ekar.
5.	Tidak menghadapi sekatan dan prosedur yang rumit. Barang dibenarkan bergerak secara bebas dalam negeri dengan halangan cukai yang paling minimum.	Pelbagai sekatan dikenakan seperti duti import, duti eksport dan kuota. Kerja dokumentasi menjadi rumit kerana pelbagai jenis borang kastam perlu diisi dan peraturan kastam perlu dipatuhi.

PERBEZAAN

PERNIAGAAN DALAM NEGERI DAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Bil.	Perniagaan dalam negeri	Perniagaan antarabangsa
6.	Tidak perlu mematuhi peraturan dan spesifikasi import atau eksport yang dikenakan oleh negara lain kerana barang dijual dan dibeli di dalam negara sendiri.	Menghadapi masalah syarat dan perundangan import dan eksport. Barang eksport perlu mematuhi peraturan dan spesifikasi negara pengimport.
7.	Bayaran dilakukan dengan cek, tunai, draf, bank, wang pos dan cara pembayaran lain yang mudah.	Bayaran hutang dilakukan dengan menggunakan bil perintah bayar dan kredit berdokumen yang rumit.
8.	Dokumen yang digunakan lebih mudah seperti invois, nota kredit, nota debit dan resit.	Menggunakan dokumen yang rumit seperti bil muatan, inden, invois konsular, sijil asal usul, surat cagaran dan sebagainya.
9.	Risiko kredit yang diberi kepada pembeli lebih rendah kerana status kredit pembeli dapat dipastikan dengan mudah.	Risiko kredit yang diberi kepada pembeli lebih tinggi kerana status kredit susah hendak diketahui. Tindakan menuntut hutang daripada pembeli luar negara adalah lebih sukar.
10.	Caj insurans atas barang yang diurus niaga lebih rendah kerana risiko kehilangan dan kerosakan dalam perjalanan kurang.	Caj insurans atas barang yang diurus niagaakan adalah lebih tinggi kerana risiko kerosakan dan kehilangan yang lebih tinggi.

TAHAP PERNIAGAAN ANTARABANGSA

Cuba pelajar senaraikan EMPAT tahap dalam perniagaan antarabangsa.

1

2

3

4



Di suatu pagi yang dingin, di sebuah kota sang kenari yang indah permai...

Terdapat sekumpulan pelajar sedang berbincang tentang perniagaan antarabangsa bersama dengan Puan Sue...

Apa yang anda tahu tentang maksud perniagaan antarabangsa?

Selamat pagi semua!
Hari ini kita akan membincangkan tentang perniagaan antarabangsa.



Saya jawab ya puan.

Baiklah, seterusnya.
Apakah faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya perniagaan antarabangsa?

Ya, tepat sekali dan biasanya melibatkan eksport, import dan entrepot barang atau perkhidmatan.



Saya nak cuba jawab puan.



Wah menariknya topik perbincangan pada hari ini... Ini bermaksud perniagaan antarabangsa sangat penting untuk pertumbuhan ekonomi suatu negara kan Puan.

Selain daripada itu, apakah kepentingan lain perniagaan antarabangsa?

Ya betul tu. Antara kepentingan perniagaan antarabangsa ialah meluaskan pasaran atau membuka pasaran baru untuk firma atau organisasi.

Selain daripada itu, apakah kepentingan lain perniagaan antarabangsa?

Saya tahu puan.

Okey kalau macam tu, siapa boleh bagi contoh-contoh syarikat Malaysia yang terlibat dalam perniagaan antarabangsa?

Wowww... hebat la awak semua!

Okey kalau macam tu, siapa boleh bagi contoh-contoh syarikat Malaysia yang terlibat dalam perniagaan antarabangsa?

Saya nak jawab puan!

LATIHAN #1



Jawab semua soalan berikut.

- 1** Berikan maksud perniagaan antarabangsa.

- 2** Apakah yang dimaksudkan dengan entrepot?

- 3** Senaraikan EMPAT kepentingan perniagaan antarabangsa kepada ekonomi.

- 4** Senaraikan tahap-tahap dalam perniagaan antarabangsa.

LATIHAN #2



Jawab semua soalan berikut.


- 1** Huraikan tahap domestik dalam perniagaan antarabangsa.

- 2** Huraikan tahap antarabangsa dalam perniagaan antarabangsa.

- 3** Huraikan tahap multinasional dalam perniagaan antarabangsa.


- 4** Huraikan tahap global dalam perniagaan antarabangsa.

- 5** Senaraikan LIMA nama perniagaan antarabangsa yang terdapat di Malaysia.



Malaysia Negara
Perdagangan Hebat di
ASEAN!

Richest Companies 2024



TAMAT!

RUJUKAN

Aini Hayati Mohamed, Faridawati Mohd. Shamsudin, Hasni Che Ismail, Lim Kong Teong, Mohammad Basir Saud, Nasruddin Zainudin, Norsiah Mat dan Nurli Yaacob. *Teks Pra-U STPM Pengajian Perniagaan Semester 3*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn Bhd.

Dr Mokhtar Pet, 2022. *ACE STPM Pengajian Perniagaan Semester 2*. Kuala Lumpur: Penerbit Ehsan (M) Sdn Bhd.

Azly Muhammad, Azma Jusoh dan Fazida Karim, 2021. *Nota & Latihan STPM Pengajian Perniagaan Semester 3*. Kuala Lumpur: Penerbit Ilmu Bakti Sdn Bhd.

Shanti Subramaniam dan Mah Book Kiet, 2018. *Pra-U Teks STPM Pengajian Perniagaan (Keusahawanan) Penggal 3*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pelangi Sdn Bhd.

Abdullah Othman, Noraini Ibrahim dan D. Karthik, 2019. *Q&A STPM Penggal 1.2.3 Pengajian Perniagaan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pelangi Sdn Bhd.

Majlis Peperiksaan Malaysia. *Kertas Soalan Peperiksaan Tahun-Tahun Lepas STPM Semester 1.2.3 Pengajian Perniagaan*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn Bhd.

Majlis Peperiksaan Malaysia. *Kertas Soalan Peperiksaan Tahun-Tahun Lepas STPM Pengajian Perniagaan Semester 1, Semester 2, Semester 3*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn Bhd.

Azli Muhammad, D. Karthikeyan dan Abdullah Othman, 2022. *Skor A dalam STPM Semester 3 Pengajian Perniagaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Ilmu Bakti Sdn Bhd.



e ISBN 978-629-97793-1-5

A standard linear barcode representing the ISBN 9786299779315. The barcode is oriented vertically and is positioned above the ISBN number.

9 786299 779315